

23 JAN 2001

Muhyiddin-Bekalan

SUMBER BEKALAN MAKANAN DIPERINCI PASTIKAN KESTABILAN HARGA

KUALA LUMPUR, 23 Jan (Bernama) -- Bekalan makanan harus dipertingkatkan bagi menampung keperluan supaya harga barang makanan dapat distabilkan ataupun lebih rendah di pasaran.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata Kementerian kini mengambil langkah memperinci bekalan makanan sehingga ke punca sumber bekalan itu untuk memastikan ianya mencukupi.

"Sebagai contoh sekiranya kita nakkan harga sayuran seperti kobis rendah maka bekalannya perlu cukup dan untuk pastikan ia cukup kita harus pula pastikan petani atau penanam sayur tingkatkan pengeluaran.

Untuk memastikan pula harga ikan di pasaran dapat distabilkan, impot daripada sumber bekalan negara luar yang murah harus dibuat, jadi bila impot murah maka harga di pasaran dapat dikurangkan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis Hari Raya anjuran Bahagian Penguatkuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di Putra Place, Jalan Putra di sini hari ini.

"Barang makanan menyumbang 40 peratus peningkatan terhadap Indeks Harga Pengguna dan daripada 40 peratus itu, ikan sahaja 30 peratus," katanya.

Muhyiddin berkata: "Ia diakui oleh Kementerian Pertanian bahawa sumber dan harga ikan masih tinggi bukan sahaja pada musim perayaan, disebabkan kerana bekalan ikan di pasaran belum mencukupi".

Katanya kementerian akan bekerjasama dengan Kementerian Pertanian mengenai langkah-langkah mempertingkatkan bekalan termasuk kemungkinan meminta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menggalakkan import dari sumber bekalan murah.

"Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) yang pulang dari Myanmar baru-baru ini berkata di negara itu, bekalan ikan setahun ialah satu juta metrik tan manakala keluaran dalam negara kita tak sampai 300,000 metrik tan setahun, bermakna bekalannya dekat tiga kali ganda sedangkan mereka tidak memakan ikan sebanyak mana kita makan," katanya.

Beliau berkata: "Myanmar ialah negara dari mana boleh kita dapat bekalan ikan murah dan harga boleh dapat dikurangkan kerana dapat daripada sumber bekalan yang lebih murah".

Sementara itu Muhyiddin berkata beliau berpuas hati dengan keberkesanan skim penetapan harga siling 13 jenis barang pada musim perayaan bagi mengawal harga barang di pasaran mengelakkan peniaga mengambil kesempatan menaikkan harga.

"Penilaian semula skim harga siling yang kita kuatkuasakan sejak hari Raya Aidil Fitri) akan dilakukan dengan mendapat maklum balas daripada pegawai-pegawai kita di seluruh negara dan juga daripada peniaga untuk memperkemas dan memperbaiki skim itu pada masa akan datang," katanya.

Selain itu, kementerian juga akan memantau trend harga barang dari sekarang sehingga tiba perayaan Hari Raya Aidilfitri hujung tahun ini supaya penetapan harga barang dapat dilakukan dengan lebih berkesan.

Beliau berkata kerajaan tidak boleh sewenang-wenangnya menetapkan harga siling tanpa mengambil kira kepentingan pengguna dan peniaga, bekalan barang yang ada, trend harga di pasaran, faktor lain termasuk logistik, pengangkutan dan sumber bekalan, katanya.

-- BERNAMA

ZAI AFY FAZ